

P.U. (A) 482/2012

[Dikemaskini – P.U.(A) 235/2016 [Berkuat kuasa pada 7 September 2016]

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (DANA PAMPASAN PASARAN MODAL) (CARUMAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 160 (1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal)(Caruman) 2012**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuatkuasa pada 28 Disember 2012.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi orang yang berkaitan di bawah Bahagian IV Akta.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Dana” ertinya Dana Pampasan Pasaran Modal;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal.

Caruman kepada Dana

4. (1) Orang yang berkaitan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual 1 hendaklah, apabila dilesenkan di bawah Akta, membayar kepada Perbadanan jumlah yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual 1 sebagai caruman kepada Dana.

(2) Orang yang berkaitan di bawah subseksyen (1) hendaklah, pada tarikh ulang tahun lesen itu, membuat bayaran selanjutnya kepada Perbadanan menurut jumlah yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual 1.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengubah jumlah dan cara caruman dibuat oleh seseorang berkaitan kepada Dana.

Kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana

5. (1) Perbadanan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Suruhanjaya sebarang kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana seperti yang telah ditentukan dalam Jadual 1.

(2) Sekiranya orang yang berkaitan gagal untuk membuat caruman kepada Dana, ia hendaklah disifatkan sebagai pelanggaran suatu syarat pelesenan oleh orang yang berkaitan itu dan Suruhanjaya boleh mengambil tindakan terhadap orang yang berkaitan itu.

(3) Apa-apa caruman terhutang kepada Perbadanan oleh mana-mana orang yang berkaitan boleh didakwa dan didapatkan kembali sebagai suatu hutang kontraktual.

JADUAL 1

[Peraturan 4]

Bahagian 1

Caruman oleh seseorang pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
Organisasi yang menyertai: bank pelaburan	RM30,000.00	RM10,000.00
Organisasi yang menyertai: selain daripada bank pelaburan	RM30,000.00	RM5,000.00
Peserta niaga	RM30,000.00	RM10,000.00 dalam setiap tahun bagi setiap lima tahun selepas peserta niaga itu dilesenkan
Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah	RM150,000.00	-
Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang	RM150,000.00	-

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
<p>Pemegang bagi kedua-dua Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang</p> <p>[Memasukkan P.U.(A) 328/2014]</p>	RM150,000.00	
<p>Peserta niaga atau seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang, yang berniaga dalam derivatif dalam suatu Bursa Ditetapkan</p>	RM100,000.00	-
<p>Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berniaga dalam sekuriti dan berniaga dalam derivatif yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi anggota suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi penyelesaian pertikaian atau tuntutan</p> <p>[Memasukkan P.U.(A) 235/2016]</p>	RM30,000.00	RM5,000.00

Bahagian 2

Caruman oleh pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan

Orang yang berkaitan	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun	
		Nilai Bersih Aset/ Aset Di bawah Pengurusan Skim Persaraan Swasta itu	Caruman
Pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan	-	> RM10 bilion	RM 50,000.00
		RM 1 bilion – RM 10 bilion	RM 30,000.00
		RM 100 juta – RM 1 bilion	RM 20,000.00
		>RM 100 juta	RM 10,000.00

Dibuat 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1Jld.8 ;PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua